

NAMA PENUH: _____

KELAS: _____

LATIH TUBI 1: KENAL PASTI AYAT-AYAT DI BAWAH. TENTUKAN SAMA ADA AYAT TERSEBUT IALAH:**AYAT USAHA** (Ayat yang menunjukkan **TINDAKAN** daripada **MANA-MANA PIHAK**) **ATAU****AYAT KESAN** (Ayat yang menunjukkan **MANFAAT/ KEBAIKAN /KEPENTINGAN/KEBURUKAN** yang diperoleh)

BIL	AYAT	JAWAPAN
1.	Kementerian Pendidikan Malaysia memperkenalkan Kembali Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan pada tahun 2005 memang tepat pada masanya.	
2.	Kepelbagaian budaya yang terdapat di Malaysia telah memberikan ruang yang besar kepada seluruh rakyat untuk meningkatkan kecenderungan masing-masing demi kemajuan diri sendiri, Masyarakat dan negara.	
3.	Kerajaan telah merancang pelbagai peluang kepada rakyat yang berminat untuk mengambil kesempatan daripada kepelbagaian budaya yang ada di Malaysia, melalui agensi Kerajaan yang berkaitan.	
4.	Hal ini dikatakan demikian kerana syak wasangka yang berlandaskan perkauman boleh mewujudkan diskriminasi kaum yang seterusnya mengundang perbalahan dalam kalangan masyarakat.	
5.	Menteri Muda Pelancongan Sarawak, Datuk Talib Zulpilip berharap agar produk kraf tangan ini boleh dijadikan perniagaan yang bertaraf antarabangsa yang mampu menjanakan pendapatan tinggi kepada pengusaha dan negara.	
6.	Impak sektor pelancongan sangat besar dan mempunyai masa depan yang baik.	
7.	Dalam program Festival Wajah-wajah 1Malaysia anjuran Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, rombongan Malaysia mempromosikan makanan kegemaran di Malaysia, lagu dan persembahan kebudayaan pelbagai kaum, dilengkapi demonstrasi kraf tangan serta promosi pelancongan.	
8.	Remaja Malaysia mampu menjadi generasi akan datang yang mempunyai jati diri yang kukuh dalam mengharungi cabaran sosial semasa.	
9.	Rakyat tempatan juga dapat mengambil kesempatan untuk mempromosikan budaya masing-masing bagi tujuan industri pelancongan seperti mengadakan perniagaan inap desa yang bercirikan budaya tertentu dan restoran yang berkonsepkan budaya masing-masing.	
10.	Dengan memahami sejarah adat resam dan amalan tradisi yang diamalkan, kita dapat mengetahui asal usul masyarakat daripada pelbagai budaya.	